

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

TINDAKAN PEMANTAUAN TERHADAP PENYEDIA PERKHIDMATAN GUNTING RAMBUT DI BAWAH PERUNDANGAN AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTI PENCATUTAN (AKHAP) 2011

PUTRAJAYA, 12 JUN 2020 - Kerajaan telah membenarkan sektor ekonomi bagi perkhidmatan gunting rambut beroperasi mulai pada 10 Jun 2020 dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Bahagian Penguat Kuasa telah mengadakan satu sesi libat urus dengan wakil-wakil daripada tujuh (7) Persatuan bagi penyedia perkhidmatan dandan dan gunting rambut pada 9 Jun 2020 dengan objektif untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung dengan kos- kos langsung yang ditanggung oleh peniaga ekoran daripada pematuhan Standard Operasi Prosedur (SOP) pembukaan perkhidmatan tersebut.

Tujuh Persatuan yang hadir adalah Malaysian Hairdressing Association (MHA), Hairdressing Skills Development Association (HSDA), Malaysian Bumiputera Barber Association (MBBA), Malaysian Indian Hairstylist Empowerment (MIHASS), Persatuan Pengusaha Jurugaya Rambut India Malaysia (MINDAS), Persatuan Jurugaya Rambut India Selangor Wilayah Persekutuan (PJRISWP), Bumiputra Hairdressing Association (BUHA) dan L'oreal Malaysia.

Hasil mesyuarat, telah mencapai persetujuan untuk peniaga tidak menaikkan kadar upah bagi perkhidmatan gunting rambut dan hanya mengenakan caj tambahan kepada pengguna bagi dua item sahaja iaitu alas gunting rambut pakai buang dan set sarung tangan serta caj tambahan yang dikenakan bagi item tersebut perlu berpatutan dengan merujuk kepada kos belian bagi dua barangan tersebut sahaja.

Bahagian Penguatkuasa, Kementerian telah memantau dan membuat pemeriksaan ke atas penyedia perkhidmatan di seluruh negara mulai 10 Jun 2020 melalui tindakan di bawah OPS CATUT 7.0 (Dandan & Gunting Rambut). Jumlah pemeriksaan premis perkhidmatan gunting rambut yang telah diperiksa pada 10 Jun 2020 adalah sebanyak 151 premis bagi 274 perkhidmatan gunting rambut yang melibatkan pengeluaran notis sebanyak 250 Notis di bawah Seksyen 21, AKHAP 2011.

Mana-mana peniaga yang didapati menaikkan caj perkhidmatan telah diarah untuk menurunkan kepada caj yang asal. Sekiranya, mereka gagal atau enggan mematuhi arahan tersebut maka tindakan tegas akan diambil di bawah AKHAP 2011 dan boleh didenda sehingga RM500,000.00.

Saya faham bahawa peniaga perlu mematuhi Standard Operasi Prosedur (SOP) bagi pembukaan perkhidmatan tersebut dengan pertambahan beberapa kos perniagaan. Namun ianya adalah norma baharu yang perlu dipatuhi bagi mengelakkan penularan COVID 19. Saya ingin tegaskan di sini bahawa caj tambahan yang hanya

dibenarkan untuk dikenakan kepada pelanggan hanya merujuk kepada dua item barangan yang digunakan oleh pelanggan sahaja iaitu **alas gunting rambut pakai buang dan set sarung tangan.**

Peniaga perlu pastikan caj tersebut adalah berpatutan dengan merujuk kepada kos belian bagi penggunaan setiap barangan tersebut bagi mengelakkan daripada sebarang tindakan undang-undang diambil terhadap peniaga.

#####

**DATO' HAJI ISKANDAR HALIM BIN HAJI SULAIMAN
PENGARAH PENGUAT KUASA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)
PUTRAJAYA.**

12 JUN 2020

Agensi di bawah KPDNHEP :

